



## SIARAN MEDIA

### **MDEC LANCARKAN INISIATIF DATAKITA SEMPENA BULAN TEKNOLOGI MALAYSIA 2020 (MTM 2020) UNTUK MEMESATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DITERAJUI DATA DI MALAYSIA**

- *DataKITA akan meningkatkan ketersediaan, ketercapaian dan kebolegunaan data dalam masyarakat dan ekonomi di Malaysia*
- *Inisiatif berterusan ini akan dimulakan dengan DataKITA.Pulse, sebuah acara maya yang bertujuan untuk memberi inspirasi kepada perniagaan agar memulakan perjalanan transformasi data mereka*
- *Pelancaran tersebut diadakan bersempena Bulan Teknologi Malaysia; kedua-dua inisiatif tersebut akan membantu mempercepatkan usaha Malaysia mencapai Malaysia 5.0 dan mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*

**Kuala Lumpur, 20 November 2020:** Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) melancarkan inisiatif DataKITA bersempena Bulan Teknologi Malaysia 2020 (MTM 2020) untuk menjadi pemangkin kepada ekosistem data yang sedang berkembang pesat di Malaysia. Inisiatif berterusan ini akan dilancarkan secara rasmi semasa DataKITA.Pulse, sebuah acara maya yang akan diadakan pada 21-22 November 2020.

DataKITA akan mempersiapkan Malaysia untuk menghadapi tata dunia baharu berkenaan data, yang dipacu oleh teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang menggesa keterbukaan perniagaan dan evolusi digital. Melalui inisiatif ini, MDEC akan bekerjasama dengan pelbagai perusahaan dan pihak berkepentingan dalam ekonomi data di negara ini. Ini bertujuan untuk memesatkan permulaan terhadap perniagaan dalam perjalanan transformasi data mereka melalui pendekatan yang berstruktur – memanfaatkan literasi data, analisis data, tadbir urus, perkongsian data dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence; AI*).

“Malaysia perlu bersedia untuk menghadapi dunia yang melangkaui norma baharu ini. Untuk mencapai tahap evolusi yang seterusnya dalam pembangunan negara ini, kita perlu menguasai teknologi-teknologi 4IR yang akan menguasai ekonomi digital. Dalam transformasi digital Malaysia menuju Malaysia 5.0, perniagaan perlu memanfaatkan sebaiknya ‘emas baharu’ ini iaitu data, agar dapat memahami pasaran dengan lebih baik,



meningkatkan hasil, menguasai sektor-sektor baharu dan meningkatkan kecekapan mereka,” kata **Datuk Wira Dr Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff, Pengerusi, MDEC.**

“Melalui DataKITA, kami akan memperkasakan rakyat Malaysia yang memiliki kemahiran digital, menggerakkan perniagaan yang dikuasakan digital dan menggalakkan para pelabur dalam sektor digital untuk menyertai populasi diterajui data ini, dalam usaha merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 negara ini,” katanya lagi.

Inisiatif DataKITA akan meningkatkan ketersediaan, ketercapaian dan kebolegunaan data dalam masyarakat dan ekonomi Malaysia melalui empat tunggak strategik:

- 1. Pengetahuan: Mempromosikan Literasi Data**
- 2. Infrastruktur: Mewujudkan Persekitaran Diterajui Data**
- 3. Bakat: Membantu Membangunkan Golongan Profesional Data**
- 4. Tindakan: Mempercepatkan perusahaan perniagaan untuk Diterajui Data dan Bersedia untuk AI**

Dengan menggalakkan transformasi data yang holistik untuk rakyat, perniagaan dan kerajaan Malaysia, DataKITA akan menjadi penggerak utama untuk membantu Malaysia membangunkan ekonomi digital yang diterajui data agar muncul sebagai pasaran maju yang menjadi contoh global dalam menerajui pertumbuhan data yang pesat dalam masyarakat dan ekonomi. Ia juga akan membantu pemain-pemain ekonomi Malaysia memanfaatkan hasil yang diunjurkan sebanyak US\$13 trilion yang akan disumbangkan oleh pelbagai aplikasi dijana data dalam ekonomi global menjelang 2030, seterusnya mengukuhkan posisi negara sebagai Jantung Digital ASEAN<sup>1</sup>.

“Kami mahu semua organisasi menyedari kepentingan transformasi data dan mengambil langkah-langkah awal yang amat penting untuk memulakan perjalanan data ini, iaitu latihan, menggunakan data dalam membuat keputusan, melabur dalam teknologi atau pengkomputeran awan (*cloud*) dan mewujudkan jawatan-jawatan berkaitan data dalam organisasi mereka. Inilah objektif inisiatif DataKITA oleh MDEC dan kami menyeru perniagaan-perniagaan dan bakat-bakat teknologi di Malaysia untuk memulakan perjalanan data ini melalui acara



DataKITA.Pulse nanti," kata **Ir. Dr. Karl Ng, Pengarah, Pembangunan Ekosistem Data, MDEC.**

### **DataKITA.Pulse – Memberi pemekatan permulaan perjalanan transformasi data kukuh kepada perniagaan**

DataKITA.Pulse yang akan diadakan pada 21-22 November 2020 adalah sebuah acara maya tanpa henti selama 25 jam yang akan memberi inspirasi kepada perniagaan-perniagaan yang dikuasakan digital dalam perjalanan transformasi data dengan menghubungkan mereka dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem dan pemimpin berpengaruh dalam industri. Acara ini adalah inisiatif pertama di bawah inisiatif DataKITA yang lebih besar. Ia akan membantu usaha sama ekosistem data yang lebih erat antara masyarakat, perniagaan, kerajaan serta entiti swasta dan awam bagi membantu lebih banyak organisasi di Malaysia memulakan transformasi data mereka dengan pendekatan yang berstruktur dan mampan.

Diadakan dengan kerjasama Forkwell – sebuah jurutera perisian global dan komuniti data yang ingin memperkasa dan menyokong dengan peluang-peluang pekerjaan di seluruh dunia – DataKITA.Pulse akan menampilkan pelbagai bengkel, forum, peluang padanan perniagaan, pameran produk oleh Rakan-Rakan Teknologi Data MDEC, serta beberapa sesi satu-sama-satu dengan Pengerusi dan Ketua Pegawai Operasi MDEC. Semua ini dirancang untuk menghubungkan perniagaan-perniagaan yang mengambil bahagian dengan peneraju-peneraju dalam ekosistem data yang sedang berkembang di Malaysia dan memahami dengan lebih baik nilai data untuk menguasai transformasi data masing-masing.

Para pelopor industri yang akan berucap di acara tersebut – yang merupakan pemilik-pemilik kepada pelbagai organisasi yang telah giat mengembangkan data – termasuklah Kevin Khoo Min Sinn, CIO, Sunway Group; Shamsul Izhan Abdul Majid, CTIO, PLUS Malaysia; dan Ts. Dr Mohamed Ackiel Mohamed, SVP, IT & Education and Training, Serba Dinamik Group. Sementara itu, DataKITA.Pulse juga menganjurkan sesi-sesi padanan perniagaan dengan rakan-rakan ekosistem permintaan yang dihormati iaitu MARDI dan KTMB.



Selain daripada menggalakkan penerapan data antara perniagaan, MDEC juga telah mengundang bakat-bakat dalam bidang teknologi ke DataKITA.Pulse untuk mengambil bahagian dalam Cabaran Visualisasi & Penceritaan Data. Melalui cabaran ini, para peserta akan mencipta visualisasi data berdasarkan pernyataan masalah berkaitan aplikasi data dalam sektor industri yang tertentu. Mereka kemudiannya diberi masa satu malam untuk menyelesaikan masalah tersebut sebelum membentangkan penyertaan masing-masing kepada para juri keesokan paginya. MDEC bekerjasama dengan I Tech Train Sdn Bhd (Rakan Strategik) dan Telekom Research & Development Sdn Bhd (Rakan Platform Data), serta CompTIA yang merupakan penaja hadiah cabaran tersebut.

Pelancaran inisiatif DataKITA dan acara DataKITA.Pulse diadakan bersempena Bulan Teknologi Malaysia (MTM 2020) – acara selama sebulan yang mengumpulkan semua yang terbaik dalam ucapan dasar, bengkel dan panel perbincangan melibatkan digital dan teknologi. Acara yang julung kali diadakan ini akan menampilkan para pemimpin berwawasan dan pelabur yang berpengalaman yang akan berkongsi mengapa mereka memilih untuk beroperasi di Malaysia, di samping mempamerkan pelbagai inovasi bertaraf antarabangsa dan platform digital Malaysia kepada dunia.

Untuk mendaftarkan syarikat anda dalam DataKITA.Pulse, layari: [www.mdec.my/mtm-event/datakita-pulse/](http://www.mdec.my/mtm-event/datakita-pulse/)

<sup>1</sup> 'Which Countries Are Leading the Data Economy?', Harvard Business Review (24 January 2019)



Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai inisiatif-inisiatif dalam DataKITA, layari: [www.mdec.my/datakita](http://www.mdec.my/datakita)

Untuk maklumat lanjut mengenai Bulan Teknologi Malaysia 2020, layari: [www.mdec.my/mtm2020/](http://www.mdec.my/mtm2020/)

**-TAMAT-**

### **Mengenai Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)**

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) adalah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan ekonomi digital di Malaysia.



Ditubuhkan pada 1996 untuk menyelia pembangunan inisiatif MSC Malaysia, mandat utama MDEC hari ini adalah untuk memesatkan pertumbuhan bakat-bakat berkemahiran digital Malaysia, perniagaan-perniagaan yang dikuasakan digital serta pelaburan-pelaburan digital di Malaysia. MDEC memberi tumpuan terhadap pertumbuhan yang inklusif dan berkualiti tinggi melalui pelbagai inisiatif melibatkan seluruh negara yang selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 Kerajaan dan memantapkan kedudukan Malaysia sebagai Jantung Digital ASEAN.

#LetsBuildTogether #DigitalMalaysiaForward

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

**Uma Kanapathy**

*REDHILL Communications*

E : [uma@redhill.my](mailto:uma@redhill.my)

M : +60125684606